

££  
B553  
MAHATHIR

1976

KUALA LUMPUR, 21 OGOS (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENGINGATKAN PERTUBUHAN DAN BADAN-BADAN SUKARELA BERWASPADA SUPAYA TIDAK DIJADIKAN ALAT OLEH ANASIR-ANASIR SABERSIF DAN ANTI-NASIONAL UNTUK MERESAP DAN MENGEMBANGKAN PENGARUH MEREKA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN, PERTUBUHAN-PERTUBUHAN PERLU LEBIH BERJAGA-JAGA AGAR TIDAK TERJATUH KE DALAM PERANGKAP ANASIR-ANASIR TERSEBUT YANG TERDIRI DARI ORANG-ORANG BERAZAM KUAT, YANG MENGGUNAKAN CARA-CARA HALUS BAGI MENEGAKKAN KEMBALI GERAKAN MEREKA.

BERUCAP DI PERAYAAN ULANGTAHUN KE-30 PERSATUAN DRAVIDIAN MALAYSIA DI SINI, BELIAU BERKATA ANASIR-NASIR ANTI-NASIONAL INI BUKAN SAJA SETAKAT MEMPENGARUHI BADAN-BADAN SIASAH, BAHKAN JUGA BADAN-BADAN KEBAJIKAN YANG MEMPUNYAI PENGARUH BESAR.

TIAP-TIAP PERTUBUHAN DI NEGARA INI ADALAH SASARAN MEREKA. BAGAIMANAPUN, KALAU PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ITU SENTIASA WASPADA, DAN MEMAINKAN PERANAN UNTUK MENGUKUHKAN PERPADUAN SEMUA KAUM, TINDAK-TANDUK ANASIR ANTI-NASIONAL INI TIDAK AKAN BERJAYA. -  
BERSAMBUNG 1420/HS

££  
B554  
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA, SOAL KESELAMATAN ADALAH PENTING KERANA SEGALA RANCANGAN PEMBANGUNAN YANG AKAN DILAKSANAKAN DALAM TEMPUH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA AKAN TERJEJAS SEKIRANYA KEADAAN KESELAMATAN NEGARA TIDAK DIPERKUATKAN.

DARI ITU, TIAP-TIAP WARGANEGARA MALAYSIA MESTILAH TAHU DAN FAHAM PERANAN YANG HARUS DIMAINKAN.

MEREKA YANG MENGENDALIKAN PERTUBUHAN ADALAH MENJADI SASARAN GOLONGAN ANTI-NASIONAL KERANA BILA MEREKA TELAH DAPAT DIPENGARUHI, PERTUBUHAN YANG MEREKA KENDALIKAN ITU DENGAN SENDIRINYA MENJALANKAN KEGIATAN BAGI MENJAYAKAN TINDAK-TANDUK GOLONGAN ITU.

MENURUT DR. MAHATHIR, BIASANYA GOLONGAN ANTI-NASIONAL INI AKAN MEMAINKAN ISSU BERCORAK SENTIMEN SEPERTI BAHASA DAN KEBUDAYAAN, UNTUK MENGEMBANGKAN PENGARUHNYA.

+MEREKA TAHU INI ADALAH SOAL YANG SENSITIF SEKALI YANG SANGAT RAPAT DENGAN HATI SANUBARI SESUATU GOLONGAN RAKYAT DAN AKAN MEMPERGUNAKAN ISSU INI UNTUK MEMPENGARUHI AHLI DAN PERTUBUHAN BERKENAAN.+

SEBALIKNYA, JIKA KERAJAAN BERTINDAK TERHADAP BADAN-BADAN SEPERTI INI, DENGAN MUDAH KERAJAAN DITUDUH SEBAGAI ANTI BAHASA DAN SEBAGAIMYA. - BERSAMBUNG 1425/HS

B555  
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

INI JELAS MENUNJUKKAN BAHWA PERTUBUHAN YANG BERGANTUNG KEPADA SENTIMEN AMAT MUDAH DIPERALATKAN OLEH MUSUH-MUSUH NEGARA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, SEJAK NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN 20 TAHUN LALU, KERAJAAN MELAKSANAKAN BERBAGAI RANCANGAN UNTUK MENINGGIKAN TARAF HIDUP RAKYAT, TANPA MENGIRA KETURUNAN MEREKA.

BAGAIMANAPUN, JIKA ANGKARA YANG DILAKUKAN OLEH GOLONGAN ANTI-NASIONAL INI BERJAYA, MAKA HASIL YANG TELAH DICAPAI AKAN MUSNAH DAN RAKYAT AKAN BERADA DI DALAM KEADAAN MISKIN DAN SERBA KEKURANGAN.

DARI ITU, PERTUBUHAN-PERTUBUHAN PERLU FAHAM TENTANG DASAR-DASAR KERAJAAN KERANA DENGAN MENGETAHUI DASAR-DASAR TERSEBUT, MEREKA AKAN DAPAT MEMAHAMI SESUATU YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN. -  
BERNAMA 1430/HS

200